

'Tetap gembira walau bimbang'

KOSMO m/s 3 10.10.07

KUALA LUMPUR - Perasaan gembira bercampur bimbang menyelubungi perasaan keluarga Sheikh Ahmad Shukor apabila adiknya, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor diumumkan sebagai angkasawan pertama negara di Baikonur semalam.

Kata beliau, keluarganya cukup teruja apabila nama anak ketiga dalam adik beradiknya itu bakal terpahat dalam sejarah negara, namun mereka bimbang akan keselamatan Dr. Sheikh Muszaphar apabila berada di angkasa kelak.


"Alhamdulillah, ini berita gemilang yang kami tunggu-tunggu sebelum ini dan berharap semuanya selamat kelak," tambahnya ketika dihubungi di Baikonur, Kazakhstan semalam.

Beliau adalah abang sulung kepada Dr. Sheikh Muszaphar yang turut mengiringi ibu bapanya Datuk Sheikh Mustapha Sheikh Shukor dan Datin Zuraida Datuk Sheikh Ahmad bagi melihat pelancaran roket Soyuz di Baikonur hari ini.

Semalam Sheikh Muszaphar diumumkan angkasawan Malaysia pertama yang akan berlepas ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) dari Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan.

Tambah Sheikh Ahmad, sifat adiknya yang amat cecal, fokus dan cukup berdisiplin, disertai daya fikir sentiasa ingin tahu dan analitikal menyebabkan dia berjaya dalam apa yang dicitakan untuk menjadi angkasawan negara.

"Semasa dia menjalani latihan, hampir setiap hujung minggu dia hantar e-mel dan gambar terkini untuk tatapan keluarga dan kami memang terasa ketiadaannya semasa Ramadan malah dia turut menyambut raya di angkasa lepas," katanya.



ROKET SOYUZ TMA-11 yang akan membawa angkasawan negara, Sheikh Muszaphar ke angkasa telah siap untuk dilancarkan di Baikonur, Kazakhstan malam ini.

INFO MISI KE ISS

- Angkasawan negara menggunakan kapal angkasa, Soyuz TMA-11 yang dijangka dipandu oleh Yuri Malenchenko (Rusia) dan jurutera penerbangan Amerika Syarikat, Peggy Whiston ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).
- Pangkalan angkasa tersebut di Baikonur, Cosmodrome, Kazakhstan.
- Stesen ISS terletak 333 kilometer dari muka bumi.
- Baikonur terletak kira-kira 2,100 kilometer di tenggara Moscow, Rusia.
- Selama 48 jam masa untuk ke ISS dari Baikonur dan krew akan berada di ISS selama sembilan hari sebelum kembali ke bumi.
- Baikonur adalah satu kompleks pelancaran kapal angkasa utama di dunia.
- Di Baikonur juga bermula misi kapal angkasa Sputnik oleh Rusia pada 4 Oktober 1957.
- Kumpulan krew kedua terdiri daripada Dr. Faiz Khaleed, Shahrizan Sharipov dan Micheal Fincke.

Tujuh skrin gergasi di KLCC

KUALA LUMPUR - Lebih 1,800 tetamu khas akan menyaksikan detik bersejarah angkasawan pertama negara secara langsung yang dipancarkan ke tujuh skrin gergasi yang dipasang di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) hari ini.

Skrin bersaiz empat meter lebar dan tiga meter panjang itu disediakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Detik bersejarah itu akan turut disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan berinteraksi dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis.

Jurucakap MOSTI memberitahu, Perdana Menteri dijangka diberi taklimat secara langsung mengenai perkembangan terakhir angkasawan

negara di Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan melalui skrin gergasi itu.

"Taklimat itu akan diberi oleh Jamaluddin selama beberapa minit sebelum angkasawan pertama negara berlepas ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) dengan menaiki kapal angkasa Soyuz," kata jurucakap itu lagi.

Angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, 35, dijangka berlepas pada pukul 9.21 malam waktu Malaysia hari ini.

Ketua Perhubungan Komunikasi Mimos Berhad (Mimos), Rosli Mohd Yoosuf pula berkata, bekas angkasawan Amerika Syarikat (AS), Robert L. Gibson telah didatangkan khas untuk bersama rakyat negara ini menyaksikan detik bersejarah itu selain berkongsi pengalaman beliau.